



## SIARAN AKHBAR

---

### MAJLIS DOA SELAMAT BAGI MEMOHON AGAR KERJA-KERJA INFRASTRUKTUR BAGI PROJEK PENANAMAN PADI BERKELUASAN 500 HEKTAR DI KAWASAN KANDOL, DAERAH BELAIT, BERJALAN DENGAN SEMPURNA

*Khamis, 14 Zulkaedah 1440H bersamaan 18 Julai 2019  
Daerah Belait*

Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial, Kawasan Kandol, Daerah Belait pada hari ini, Khamis, 14 Zulkaedah 1440H bersamaan 18 Julai 2019 telah mengadakan Majlis Doa Selamat memohon kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala agar kerja-kerja infrastruktur bagi projek penanaman padi berkeluasan 500 hektar di kawasan Kandol, Daerah Belait, berjalan dengan sempurna. Majlis diadakan di kawasan tapak Projek Penanaman Padi Kandol, Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait.

Pembukaan kawasan Kandol sebagai kawasan penanaman padi baru adalah berikutan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika merasmikan Majlis Ilmu 2018 pada 27hb November 2018 yang lalu, yang mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan projek pembukaan kawasan baru ini bagi penanaman padi secara komersial yang berkeluasan 500 hektar, yang akan dilengkapi dengan infrastruktur-infrastruktur yang bersesuaian. Bagi memastikan projek berskala seperti ini berjaya, pengendalian penanaman padi akan dibukakan kepada syarikat-syarikat termasuk syarikat berkaitan kerajaan (government-linked companies, GLCs).



Ke arah melaksanakan Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial berkeluasan 500 hektar di kawasan Kandol, Daerah Belait ini, beberapa jawatankuasa telah ditubuhkan, iaitu:

- Jawatankuasa Tertinggi Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Berkeluasan 500 Hektar, Kawasan Kandol, Daerah Belait yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Dan Ekonomi II; dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan;
- Jawatankuasa Teknikal dan Infrastruktur Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Berkeluasan 500 Hektar, Kawasan Kandol, Daerah Belait yang dipengerusikan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan;
- Jawatankuasa Operasi dan Pelaburan Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Berkeluasan 500 Hektar, Kawasan Kandol, Daerah Belait yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi; dan
- Jawatankuasa Teknikal dan Infrastruktur Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Berkeluasan 500 Hektar, Kawasan Kandol, Daerah Belait yang dipengerusikan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan.

Hadir pada Majlis Doa Selamat tersebut ialah:

- Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali Bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan;
- Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi Bin Haji Gafar, Menteri Pembangunan;
- Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, Pemangku Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Dan Menteri Kewangan Dan Ekonomi II;
- Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Marzuke bin Haji Moxin, Timbalan Menteri Pembangunan;
- Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Awang Mumin, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (dan juga selaku Penghulu Mukim Liang Zon 1, Daerah Belait);



- Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Pengarah-Pengarah serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Pembangunan; Penghulu Mukim Bukit Sawat; Ketua-Ketua Kampung Bukit Sawat dan Kampung Merangking; Ahli Majlis Perundingan Mukim Bukit Sawat dan Ahli Majlis Perundingan Kampung Bukit Sawat dan Kampung Merangking di Mukim Bukit Sawat dan Mukim Labi di Tapak Kawasan Kemajuan Pertanian Kandol.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan seterusnya diikuti dengan taklimat ringkas mengenai perkembangan Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Berkeluasan 500 Hektar, Kawasan Kandol, Daerah Belait yang disampaikan oleh Awang Haji Salleh bin Haji Karim, Pemangku Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan yang juga selaku Ahli Jawatankuasa Teknikal dan Infrastruktur Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Berkeluasan 500 Hektar, Kawasan Kandol, Daerah Belait.

Seterusnya, doa selamat bagi memohon kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala agar kerja-kerja infrastruktur bagi projek penanaman padi berkeluasan 500 hektar di kawasan Kandol, Daerah Belait, berjalan dengan sempurna dibacakan oleh Awang Haji Martino @Abdul Azim bin Haji Ahmad, Pegawai Buhuts, Pejabat Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Berkeluasan 500 Hektar, Kawasan Kandol, Daerah Belait bersama dengan para hadirin yang lain kemudiannya dibawa meninjau secara lebih dekat untuk melihat perkembangan kerja-kerja penyediaan infrastruktur di atas tapak projek berkenaan.

Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Berkeluasan 500 Hektar, Kawasan Kandol, Daerah Belait ini adalah merupakan salah satu daripada usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke arah meningkatkan lagi keluaran serta tahap sara diri



bekalan beras di Negara Brunei Darussalam, dalam memastikan sekuriti makanan bekalan beras negara adalah terjamin.

/TAMAT

**Dikeluarkan oleh:**

*Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan*

*Negara Brunei Darussalam*

Tarikh: 18 Jul 2019